



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**16 DISEMBER 2022 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDN)**

---

---

**16 DISEMBER 2022 (JUMAAT)**

# Kerajaan kaji pelbagai cadangan program subsidi

## Langkah bantu kurangkan beban perbelanjaan, kenaikan kos sara hidup rakyat

Oleh Suraya Ali  
suraya.ali@bh.com.my@

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang mengkaji pelbagai cadangan dan pendapat berkaitan program subsidi bagi memastikan rakyat mendapat manfaat terbaik khususnya dalam membantu mengurangkan beban perbelanjaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata antara cadangan diterima itu termasuk berkaitan pemberian tunai kepada golongan sasaran seperti B40 dan M40.

Selain itu, katanya beliau turut menerima banyak cadangan bernas hasil pertemuannya bersama Pengarah Urusan Kumpulan Mydin, Datuk Dr Ameer Ali Mydin baru-baru ini.

"Baru-baru ini saya bertemu dengan Pengarah Urusan Kum-

pulan Mydin dan beliau ada memberikan banyak cadangan yang baik serta dikatakan mampu memberi penjimatan kepada kerajaan.

"Kita akan kaji semua cadangan dan pandangan," katanya ketika dihubungi.

Sebelum ini, Ameer Ali yang juga Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO) memaklumkan kerajaan perlu menghapuskan pemberian subsidi khususnya membabitkan minyak masak serta telur dan menggantikannya dengan subsidi bersasar menerusi pemberian tunai bulanan untuk golongan B40.

Langkah itu, katanya, dapat menjamin situasi 'menang-menang' untuk semua pihak dan

mengurangkan bebanan kerajaan untuk menanggung subsidi.

### Perjelas kekeliruan

Dalam pada itu, Salahuddin ketika mengulas mengenai isu minyak masak yang dikatakan dijual mahal melebihi harga runcit maksimum ditetapkan, berkata semakin mendapati ia berpunca kekeliruan kerana minyak sawit campuran pelbagai jenama tidak termasuk dalam senarai barangan dikawal harga.

Justeru, beliau mengingatkan pengguna jika terlihat minyak masak dijual lebih daripada harga maksimum, semak dahulu sama ada ia adalah minyak sawit tulen atau campuran.

Mengulas lanjut, katanya, buat masa ini kerajaan sudah

mula menurunkan harga minyak masak sawit tulen kemas botol lima kilogram kepada RM30.90 berbanding RM33.95 sebelum ini.

"Semak dahulu label minyak masak, bahannya pastikan minyak sawit tulen dan harga mestilah RM30.90 dan tidak lebih... jika ada yang dijual melebihi harga ditetapkan, pengguna boleh membuat aduan," katanya.

Berdasarkan purata harga minyak sawit mentah dunia (CPO), kerajaan menetapkan harga runcit maksimum minyak masak bagi tempoh 8 Disember hingga 7 Januari 2023 pada RM6.90 untuk paket sekilogram, diikuti RM13.30 untuk kemas botol dua kilogram (kg), RM19.60 bagi 3kg dan RM30.90 bagi 5kg.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan jabatan kerajaan merangka serta membangun kaedah bersesuaian bagi melaksanakan subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata Malaysia mesti menyalurkan semula subsidi pulak yang turut memanfaatkan golongan kaya dan konglomerat ke arah menopang kumpulan B40, M40 dan peniaga kecil yang amat terkesan dan memerlukan.

“Baru-baru ini saya bertemu dengan Pengarah Urusan Kumpulan Mydin dan beliau ada memberikan banyak cadangan yang baik serta dikatakan mampu memberi penjimatan kepada kerajaan”

Salahuddin Ayub,  
Menteri Perdagangan Dalam  
Negeri dan Kos Sara Hidup



*Sekalung Penghargaan Kepada*  
**YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof**  
 Ketua Setiausaha  
 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)  
 Atas Kesudian Beliau Menyampaikan Anugerah Francais Malaysia 2022

# ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2022

**Francis Terbaik**  
**MARRYEROWIN SDN BHD**  
 (MARRYEROWIN)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**MARRYEROWIN SDN BHD**  
 (MARRYEROWIN)

**Francis Terbaik (Kategori Pendidikan)**  
**CAMBRIDGE ENGLISH FOR LIFE SDN BHD**  
 (CAMBRIDGE ENGLISH FOR LIFE)

**Francis Terbaik (Kategori Perumahan)**  
**AVANI PENIT RADIUS SDN BHD**  
 (AVANI PENIT RADIUS)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**GERBANG BUKU RESTORANTZ SDN BHD**  
 (MCDONALD'S)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**7-ELEVEN MALAYSIA SDN BHD**  
 (7-ELEVEN)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**WONDERFUL LIFESTYLE SDN BHD**  
 (DORIS JAWA'S COFFEE)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**M.Y. US PIZZA SDN BHD**  
 (US PIZZA)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**LODHI HOLDING SDN BHD**  
 (ITALIYA)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**OC GROUP SDN BHD**  
 (INDIA)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**PEMELI SDN BHD**  
 (PEMELI)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**OC GROUP SDN BHD**  
 (INDIA)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**NETTA MARTINANCE SDN BHD**  
 (NETTA BOUTIQUE & MARTA BANGSAS)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**OC GROUP SDN BHD**  
 (INDIA)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**NETTA MARTINANCE SDN BHD**  
 (NETTA BOUTIQUE & MARTA BANGSAS)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**KOPIKAM ASIA PACIFIC SDN BHD**  
 (DUST DAWN WHITE COFFEE)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**AROMA AVENUE SDN BHD**  
 (MARRYEROWIN)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**ESK RESTORANT SDN BHD**  
 (MARRYEROWIN)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**LENSBY (MIE) SDN BHD**  
 (MCDONALD'S)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**CITY COMMERCE SDN BHD**  
 (PANGKALAN)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**OC GROUP SDN BHD**  
 (INDIA)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**CHAIJANG FOODS**  
 (GLOOM, KR'N)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**ZALZA ALIAS**  
 (DINAMIA ALIAS)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**ANWAR FADAI MOHAMMAD MOOR**

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**NETTI (SUKSES) PROJEKTI**  
 (DIREKTORAT MALAYSIA (MPPD))

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**INFOGRAFIK BINA**  
 (BERITA HARIAN)

**Francis Terbaik (Kategori Makanan)**  
**BERITA HARIAN**

**Panel Penaja:** M, pernos, CGC, pernos, MPC, MPPD, UTM, UPM, UUM

**Panel Penilai:** M, pernos, CGC, pernos, MPC, MPPD, UTM, UPM, UUM

Facebook: FranchisMalaysia, FranchiseMY, Franchisemalaysia